

Mahathir yakin keseimbangan kaum dapat dicapai

UM 15 MAR 1987

ALUR GAJAH 15 Mac — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yakin keseimbangan kaum di Malaysia akan dapat dicapai dalam tempoh satu atau dua dekad yang akan datang. Katanya, ini adalah matlamat dan harapan kerajaan yang telah banyak menanam modal untuk pembangunan bumiputera. Menurut beliau, kerajaan terpaksa memberikan peruntukan khas kepada bumiputera dan memberikan penumpuan yang lebih sedikit terhadap pembangunan kaum itu agak ketinggalan dari kaum - kaum yang lain

sejak di zaman penjajahan. Menurut beliau, antara alat kerajaan untuk membangunkan bumiputera adalah menerusi saluran pelajaran dengan membina institusi - institusi pengajian tinggi bagi meningkatkan kejayaan bumiputera dalam segala bidang. Dari hakikat itu juga, kerajaan menubuhkan Institut Teknologi MARA (ITM) bagi menampung kekurangan bumiputera dari segi pelajaran, katanya di upacara memecah tanah tapak kampus baru ITM cawangan Melaka di Lendu, dekat sini pagi ini. Katanya, ITM telahpun memainkan peranan penting dalam

meningkatkan pembangunan bumiputera yang mana ramai pengusaha, peniaga dan pengurus adalah lulusan dari institusi itu.

Tumpuan

Perdana Menteri berkata cadangan untuk memberikan tumpuan yang lebih dalam pembangunan orang Melayu bukan timbul sekarang ini, tetapi sejak sebelum merdeka, waktu itu orang - orang Melayu menentang Malayan Union. Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir keseimbangan kaum di negara ini adalah penting kerana apabila keseimbangan

pembangunan kaum telah wujud, tidak ada lagi masalah perkauman. Keseimbangan yang dimaksudkan beliau adalah dari segi ekonomi, sosial dan politik yang dirasai sama rata oleh semua kaum. "Kita tidak mahu wujudnya perbezaan di mana matlamat Melayu pada politik, Cina pada perniagaan dan India pada kongres," tambahnya. Menurut beliau, walaupun Melayu sekarang telah maju tetapi hendaklah berusaha lebih gigih mengejar kaum yang lebih maju di hadapan bagi mewujudkan keseimbangan pembangunan.

Mengenai minat para pelajar terhadap bidang - bidang lain di luar skop pengajian mereka, termasuk politik, Perdana Menteri berkata, ini adalah satu amalan yang sihat tetapi hendaklah dilakukan dengan sederhana supaya tidak menjejaskan pelajaran. "Tumpuan para pelajar terhadap minat - minat lain hendaklah dihadkan atau dikurangkan supaya dapat menumpukan perhatian terhadap pencapaian cemerlang dalam pelajaran," katanya. Apa yang penting, katanya, adalah mencapai matlamat negara menyeimbangkan pembangunan antara kaum.